

KATA ALU-ALUAN PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme dan Jawatankuasa Jurnal Penyelidikan IPBA kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam JURNAL IPBA Jilid 3: Bil.2, Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa (IPBA), Kementerian Pelajaran Malaysia, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah di IPBA kerana telah menyumbangkan laporan kajian mereka untuk dimuatkan dalam jurnal ini.

JURNAL IPBA kali ini juga memuatkan laporan hasil kajian seorang pelajar. Usaha sedemikian adalah sangat menggalakkan dan merupakan petanda bahawa budaya penyelidikan yang ingin dipupuk dalam kalangan warga IPBA semakin menjadi nyata. Syabas dan tahniah.

IPBA sebagai sebuah institusi perguruan yang baru sudah tentu ingin menggalakkan aktiviti penyelidikan dan penulisan akademik yang lebih giat agar mencapai kecemerlangan dalam pendidikan. Keluaran jurnal ini merupakan satu saluran untuk para warga IPBA menyebarkan idea, pengalaman dan dapatan mereka. Dalam hal ini diharapkan warga IPBA akan terus memupuk budaya penyelidikan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan, Jawatankuasa Jurnal Penyelidikan IPBA 2005 dan semua pihak yang terlibat dalam penghasilan jurnal ini. Saya berharap jurnal ini akan memberi manfaat kepada para pembaca dan menjadi sumber ilham untuk bakal pengkaji dan penulis artikel ilmiah.

Sekian, terima kasih.



DR. MOHD SOFI BIN ALI

Pengarah
Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa
Lembah Pantai, 59200 Kuala Lumpur.